

KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN BORNEO

TARIKH : 25 OGOS 2024

SITASI :

M/S : 2

Program kembara ilmu ini khazanah kita galak membaca komuniti setempat. (2024, August 25). *Utusan Borneo*, p. 2.

Utusan
Borneo
Online

Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita galak membaca komuniti setempat

KOTA KINABALU: Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita yang diadakan bermula di Stesen Keretapi Tanjung Aru, di sini menggalakkan minat membaca dalam komuniti setempat.

Menteri Perpaduan Negara Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata, ia turut mempromosikan program galakan membaca dengan pelbagai platform untuk masyarakat di Sabah.

"Usaha ini selari dengan fukuh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) satu memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca yang selari dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Pembaca menjelang tahun 2030.

"Sepanjang perjalanan dari

Stesen Keretapi Tanjung Aru ke Papar, pelbagai pengisian berwujud digital termasuklah pameran digital yang mencatatkan rekod dalam Malaysia Book of Records (MBOR) dengan tajuk 'First Digital Library Exhibition Award A Train'.

"PNM juga mengangkar kandungan pameran manuskrip Melayu, n-Pustaka, bahan-bahan terbitan PNS berkaitan kemerdekaan dan sejarah serta warisan budaya di Sabah dan terdapat juga aktiviti e-sukan untuk menarik minat golongan muda.

"Pameran digital ini berlangsung mulai 24 Ogos sehingga 5 September secara percuma dan dijangkakan akan dihadiri lebih 10,000 pengunjung," katanya.

Menternya, program yang turut diadakan bersama Program Etno Adat Tokou di Perpustakaan Desa Kampung

Rancangan Kilas, Bendari, dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi PNM dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah (PNS), Jabatan Keretapi Negeri Sabah, Dewan Belau dan Putaka (DBP), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Sutera Harbour Resort.

Beliau berkata, pengkitaran MBOR ini memperluaskan kesungguhan PNM dalam memperkayakan pendekatan baharu untuk mempromosi program galakan membaca bukan sahaja di perpustakaan sendiri malah membaca di mana sahaja berada.

"KPN akan mewujudkan sudut bacaan di stesen keretapi terpilih di Sabah agar pengguna perkhidmatan keretapi dapat menikmati bacaan santai sebagai santapan ilmi mereka," katanya.



MENARIK: Aaron menzua salah satu permainan e-sport yang turut disediakan di dalam kereta api terbahut.